

17 pelajar kimia perindustrian UPMKB lawat loji SMDS Malaysia

BINTULU: Seramai 17 pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Kimia Perindustrian Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) telah diberi peluang melawat loji Shell Middle Distillate Synthesis (SMDS) Malaysia Sdn Bhd di sini baru-baru ini.

Jurucakap UPMKB dalam kenyataannya berkata, lawatan tersebut memberi peluang berharga kepada pelajar terbabit untuk melihat operasi industri dan mendalami pemahaman tentang aplikasi dunia sebenar kimia perindustrian.

Katanya, pada lawatan itu para pelajar diberi taklimat mengenai operasi loji tersebut dan kaedah canggih dalam menukar gas asli kepada produk cecair bernilai tinggi seperti bahan api sintetik, lilin dan pelincir.

"Lawatan tersebut dikendalikan oleh Jurutera Automasi dan Proses SMDS Ivan Collin yang membawa pelajar meneroka pelbagai bahagian di kemudahan loji tersebut," tambah kenyataan itu semalam.

Katanya, para pelajar turut diberi taklimat serta penerangan mengenai protokol keselamatan, langkah-langkah kelestarian alam sekitar dan teknologi canggih yang digunakan dalam sintesis gas-ke-cecair (GTL).

Seorang daripada pelajarnya, Sriniya Letchiminan berkata, lawatan ke Shell MDS benar-benar memberi inspirasi kepadanya untuk meneceburikan bidang kerja dalam industri ini selepas tamat pengajian kelak.

Katanya, melihat prinsip yang dipelajari dalam kelas diaplikasikan pada skala sebesar telah memberi pemahaman lebih mendalam mengenai kimia perindustrian dan potensi inovasinya.

Sementara itu, penyelar-as subjek CHY3602 Proses Tapisan Petroleum UPMKB Dr Sivasagar Seenivasagam berkata, kepentingan lawatan seperti ini adalah untuk meraapatkan jurang antara akademik dan industri.

"Lawatan ini selaras dengan

komitmen kami untuk menyediakan peluang pembelajaran secara pengalaman langsung kepada pelajar.

"Ia bukan sahaja tentang melihat teknologi tetapi juga memahami cabaran dan inovasi yang mendorong industri ini," katanya.

"Kami berterima kasih kepada Shell MDS atas lawatan yang penuh informasi ini sekali gus pendedahan ini pasti akan mendorong pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam kerjaya mereka," ujarinya.

Selepas menamatkan lawatan tersebut katanya, para pelajar juga amat berterima kasih kerana dapat merasai pengalaman berkaitan dan berikrar untuk mengaplikasikan pengetahuan baharu yang diperoleh dalam pembelajaran dan kerjaya profesional pada masa depan.

"Kolaboratif antara industri dan akademik seperti ini memainkan peranan penting dalam mempersiapkan generasi profesional mahir Malaysia yang akan datang," katanya.

Lawatan itu katanya, ia bukan sahaja menekankan nilai pembelajaran secara praktikal tetapi mengukuhkan komitmen UPMKB untuk menghasilkan graduan yang kompeten dan bersedia untuk menerokai kerjaya dalam bidang industri.

Ujarnya, kesediaan Shell MDS untuk menerima lawatan akademik ini mencerminkan peranannya sebagai peneraju dalam memupuk kerjasama industri-pendidikan bagi pertumbuhan dan inovasi yang mampan.

Delegasi lawatan tersebut turut disertai Dr Ellie Teo Yi Lih dan Dr Alvin Lim Teik Zheng yang merupakan pensyarah Jabatan Sains dan Teknologi UPMKB.

Loji Shell MDS di Bintulu terkenal dengan teknologi penukaran gas-ke-cecair (GTL) yang inovatif, menjadikannya bidang yang sempurna untuk pelajar UPMKB mengkaji kemajuan dalam proses kimia dan amalan industri lestari.